

17/11/1999

Shahidan mahu tebus maruah

Fazli Arman

KANGAR, Selasa - Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata matlamat utama beliau ialah memastikan kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum kali ini daripada memikirkan khabar angin beliau tidak akan menjawat jawatan itu selepas ini.

Katanya, pilihan raya kali ini adalah peluang baginya untuk menebus maruah diri dan kekalahan BN pada pilihan raya kecil Parlimen Arau tahun lalu yang mana saat ini sudah lama ditunggu.

"Saya masih Pengarah Operasi Pilihan Raya negeri dan kita mahu membuktikan bahawa BN di Perlis tetap kuat dan insyaAllah dapat mencapai kemenangan.

"Saya tidak kisah sama ada dicalonkan bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) atau Parlimen atau digugurkan terus kerana matlamat perjuangan kita ialah untuk parti, bukan diri sendiri," katanya.

Shahidan diminta mengulas khabar angin beliau berkemungkinan diarah bertanding bagi kerusi Parlimen Arau pada pilihan raya kali ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Azmi Khalid, yang juga Ketua Umno bahagian Padang Besar dikatakan akan bertanding kerusi DUN dan berkemungkinan dilantik sebagai Menteri Besar jika BN memenangi pilihan raya itu.

Shahidan berkata, beliau akan menyokong sesiapa saja yang dipilih oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai Menteri Besar Perlis yang baru.

Ditanya pertemuannya dengan Perdana Menteri, semalam, Shahidan berkata, Dr Mahathir belum membuat sebarang keputusan mengenai calon BN, termasuk kedudukan Menteri Besar dan Ketua Menteri yang dilaporkan akan bertanding di Parlimen atau digugurkan.

Dalam perkembangan berkaitan, katanya, beliau sudah mengadakan perjumpaan dengan semua wakil rakyat di negeri ini dan memaklumkan bahawa ada antara mereka akan digugurkan.

Menurutnya, semua wakil rakyat berjanji akan memberi sokongan padu untuk menjamin kejayaan BN tanpa mengira sama ada mereka dicalonkan semula atau sebaliknya.

"Kita mahu menunjukkan kepada Pas bahawa BN tidak lemah. Kekalahan pada pilihan raya kecil Parlimen Arau dulu bukan petunjuk kepada kekuatan atau kelemahan kita," katanya.

Sementara itu, ketika diminta mengulas mengenai cadangan Pas meletakkan calonnya yang bertaraf ulama dan profesional, Shahidan berkata, pengundi yang memilih mereka itu melakukan kesilapan.

Ini kerana, katanya, seperti diakui pemimpin pembangkang, BN akan tetap memenangi pilihan raya kali ini dan calon pembangkang yang menang tidak mampu memberi sumbangan besar kerana gagal membentuk kerajaan.

(END)